



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Selangor



## MODUL PINTAS 2018 TINGKATAN 5

3756/2

### PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 2

September/Okttober

2  $\frac{1}{2}$  jam

Dua jam tiga puluh minit

#### JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab semua soalan di Bahagian A dan dua soalan daripada Bahagian B.*
3. *Tulis jawapan anda pada helaian tambahan yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan. Sekiranya tidak mencukupi, anda boleh mendapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
5. *Jika anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu.*
6. **Tunjukkan kerja mengira.** Ini membantu anda mendapatkan markah.
7. *Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helaian yang baharu.*
8. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
9. *Ceraikan Lampiran A daripada kertas peperiksaan ini. Calon ada pilihan sama ada mencantumkan Lampiran A bersama-sama helaian tambahan dengan menggunakan stapler atau menebuk lubang kemudian ikat dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*
10. *Anda diingatkan untuk menulis Nombor Kad Pengenalan, Angka Giliran, Nama, dan Tingkatan di Lampiran A dan helaian tambahan yang digunakan untuk menulis jawapan.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 16 halaman bercetak.

**Bahagian A**

[60 markah]

*Jawab semua soalan.*

- 1** (a) Nyatakan andaian, prinsip, dan batasan perakaunan yang diguna pakai dalam situasi berikut:

- (i) Tiada catatan dibuat apabila Pekongsi Syahirah telah mendepositkan sejumlah wang peribadinya ke dalam akaun bank Perkongsian Haziq dan Syahirah.
- (ii) Warung Goreng Pisang Leha tidak membeli perisian komputer bernilai RM1 000 kerana keuntungan yang diperoleh hanya RM400 sahaja.

[2 markah]

- (b) Modal berdaftar Syarikat Berjaya Berhad terdiri daripada 700 000 unit saham biasa bernilai RM1 sesaham.

Lembaga pengarah syarikat telah menerbitkan sebanyak 300 000 unit saham biasa kepada orang ramai.

Tunjukkan catatan Jurnal Am bagi terbitan saham tersebut.

[2 markah]

- (c) Apakah catatan kontra bagi akaun berikut:

(i) Jualan

(ii) Perabot

[2 markah]

- (d) Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Berjaya.

Jumlah Aset Semasa = RM200 000

Jumlah Liabiliti Semasa = RM400 000

(i) Hitung nisbah semasa bagi Perniagaan Berjaya.

(ii) Bagaimanakah Perniagaan Berjaya dapat meningkatkan nisbah semasa?

[2 markah]

- (e) Maklumat berikut diperoleh daripada Buku Perniagaan Azri Trading.

	RM
Baki Buku Tunai (overdraf)	12 800
Cek belum dikemukakan	1 240
Deposit belum dikreditkan	835

Berapakah baki di Penyata bank?

[2 markah]

- 2 Berikut adalah baki-baki lejar yang diperoleh daripada buku perniagaan NASRISSA Enterprise pada 30 Jun 2018.

	Debit RM	Kredit RM
Modal		40 000
Belian dan jualan	61 740	139 900
Gaji dan upah		32 453
Pinjaman usahawan		25 000
(Tarikh pinjaman: 1 Januari 2018, Jumlah: RM30 000)		
Faedah pinjaman usahawan	1 200	
Ambilan	5 510	
Alat tulis	350	
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	29 034	43 385
Angkutan masuk	1 350	
Pulangan	1 587	994
Bank		4 903
Hutang lapuk pulih		160
Insurans	1 800	
Tunai	564	
Perabot (kos)	20 500	
Premis (kos)	50 000	
Susut nilai terkumpul perabot 1 Julai 2017		6 150
Stok pada 1 Julai 2017	48 550	
Penyelenggaraan bangunan	6 830	
Belanja utiliti	2 284	
Sewa		3 600
Promosi	1 490	
Peruntukan hutang ragu		1 150
	<hr/> <hr/> 265 242	<hr/> <hr/> 265 242

**Maklumat tambahan:**

- (i) Inventori pada 30 Jun 2018 ialah RM43 280 pada harga kos dan RM42 330 pada nilai pasaran.
- (ii) Seorang pelanggan yang masih berhutang RM434 telah diisyihar bankrap oleh bank, hutang ini hendaklah dihapus kira.
- (iii) Peruntukan hutang rugu perlu diselaras kepada 3 % atas baki bersih Akaun Belum Terima.
- (iv) Perabot hendaklah disusutnilai pada kadar 30 % setahun mengikut kaedah baki berkurangan berdasarkan bulan penggunaan.
- (v) Penyelenggaraan bangunan adalah termasuk kos naik taraf bilik pejabat bernilai RM5 000.
- (vi) Kadar sewa ruang kedai yang dikenakan kepada penyewa ialah RM360 sebulan.
- (vii) Insurans adalah untuk 6 bulan mulai 1 Mac 2018.
- (viii) Kadar faedah bagi pinjaman usahawan adalah 6 % setahun dan bayaran balik secara ansuran bulanan selama 48 bulan mulai bulan Januari 2018.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2018. [14 markah]
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2018. [11 markah]

- 3 Berikut adalah baki-baki akaun daripada Buku Perniagaan Perkongsian Rasajati pada 31 Disember 2017.

	Debit RM	Kredit RM
Akaun Modal: Azizah		36 000
Amir		24 000
Akaun Semasa: Azizah		960
Amir	780	
Untung bersih sebelum pelarasan		28 800
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	3 840	1 850
Tunai	3 660	
Bank		2030
Inventori pada 31 Disember	1 160	
Premis	99 000	
Kenderaan	26 400	
Susut nilai terkumpul premis		9 000
Susut nilai terkumpul kenderaan		2 400
Pinjaman Azizah		36 000
Ambilan: Azizah	1 450	
Amir	900	
Peruntukan hutang ragu		150
Gaji Azizah	3 000	
Faedah atas pinjaman	1 000	
	<hr/> 141 190	<hr/> 141 190

**Maklumat tambahan:**

- (a) Pelarasan yang perlu diambil kira:
- (i) Belanja am prabayar RM1 800 dan kadar bayaran belum bayar sebanyak RM2 000.
  - (ii) Faedah overdraf belum bayar RM500.
  - (iii) Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 5 % daripada Akaun Belum Terima.
- (b) Ikatan perjanjian perkongsian telah menetapkan perkara berikut:
- (i) Faedah atas modal 10 % setahun.
  - (ii) Faedah atas ambilan 8 % setahun dan ambilan dibuat pada 30 Jun 2017.
  - (iii) Gaji tahunan Azizah adalah RM8 404.
  - (iv) Faedah atas pinjaman pekongsi adalah 8 % setahun.
  - (v) Untung dan rugi akan dibahagikan antara Azizah dan Amir mengikut nisbah sama rata.

**Anda dikehendaki:**

- (a) Menghitung untung bersih selepas mengambil kira pelarasan. [7 markah]
- (b) Menyediakan Penyata Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2017. [8 markah]
- (c) Menyediakan Akaun Semasa Pekongsi (bentuk beruangan). [10 markah]

**Bahagian B**

[40 markah]

*Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.*

- 4 (a) Puan Mona dan Cik Nisha memulakan Monis D'Cotton Paradise pada 1 Mei 2018 dengan modal tunai di bank RM40 000 dan kenderaan RM75 000. Berikut ialah anggaran penerimaan dan pembayaran bagi tiga bulan pertama perniagaannya.

- (i) Pada awal Mei, perniagaan membeli sebuah mesin RM20 000 secara tunai.  
 (ii) Anggaran belian dan jualan:

Bulan	Jualan(RM)	Belian(RM)
Mei	25 000	16 400
Jun	Meningkat 20 % daripada bulan sebelumnya	25 200
Julai		28 000

- (iii) Sebanyak 70 % daripada belian adalah secara tunai. Bakinya diberi tempoh kredit sebulan.  
 (iv) Semua jualan adalah jualan tunai.  
 (v) Puan Ros dilantik sebagai jurujual Monis D' Cotton Paradise. Beliau dibayar komisen sebanyak 8 % daripada jumlah jualan setiap bulan.  
 (vi) Pada bulan Mei, 5 orang pekerja diambil dan ditambah 3 orang lagi pada bulan Julai. Gaji bulanan seorang pekerja RM900.  
 (vii) Sebahagian premis disewakan kepada Kedai Telekomunikasi Azmi. Penerimaan tunai atas sewa premis RM2 000 setiap bulan.  
 (viii) Belanja angkutan RM250 setiap bulan manakala pada bulan Julai bertambah sebanyak 40 % daripada bulan sebelumnya.  
 (ix) Pada bulan Jun, perniagaan dijangka memperoleh pinjaman RM60 000 dengan kadar faedah 5 % setahun selama 5 tahun. Bayaran bulanan berserta faedah akan dibuat bermula pada bulan Julai 2018.

**Anda dikehendaki menyediakan** Belanjawan Tunai bagi bulan berakhir 31 Julai 2018.

[12 markah]

- (b) Perniagaan Sun Rise Enterprise menyimpan Buku Tunai Runcit mengikut Sistem Panjar dengan peruntukan RM250 sebagai dana runcit pada setiap bulan. Berikut ialah penerimaan dan pembayaran dalam bulan Jun 2018.

	2018	RM
Jun 1	Terima sekeping cek daripada ketua juruwang untuk memulakan Buku Tunai Runcit	<b>X</b>
2	Sampul surat	19
9	Kertas A4	24
11	Gula dan kopi pejabat	18
17	Gaji kerani	350
20	Pinjaman kepada pekerja	70
25	Belanja membaiki telefon	30
27	Pos bungkusan	45

**Anda dikehendaki menyediakan** Buku Tunai Runcit (gunakan **Lampiran A**) dengan lajur analisis Belanja Pejabat, Belanja Pos, Alat Tulis dan Pelbagai pada 30 Jun 2018. (Tunjukkan rekupmen pada 1 Julai 2018) [8 markah]

- 5 (a) Puan Marry memulakan perniagaan Kedai Perabot Casa pada 1 April 2013 di Bandar Klang. Beliau menyimpan rekod perniagaannya tidak mengikut sistem catatan bergu.

Berikut adalah baki aset dan liabiliti perniagaannya:

	1 April 2017	31 Mac 2018
	RM	RM
Alatan pejabat (kos)	5 000	?
Susut nilai terkumpul alatan pejabat	1 000	?
Perabot (kos)	8 500	?
Susut nilai terkumpul perabot		1 275
Inventori	12 500	13 450
Akaun Belum Terima	3 550	5 800
Bank	1 200	3 850
Sewa belum diterima	-	50
Akaun Belum Bayar	4 500	3 250
Kadar bayaran belum bayar	100	-
Pinjaman bank (matang pada 31 Mac 2020)	10 000	?

Maklumat tambahan:

- (i) Pemilik perniagaan mengambil barang niaga RM50 dan tunai RM100 masing-masing setiap bulan untuk kegunaan peribadi.
- (ii) Pada 1 Ogos 2017, pemilik telah membawa masuk sebuah almari bernilai RM2 500 ke dalam perniagaan.
- (iii) Seorang pelanggan diisyiharkan muflis dan baki hutangnya berjumlah RM200 dihapus kira sebagai hutang lapuk.
- (iv) Peruntukan hutang ragu dianggarkan 3 % atas baki Akaun Belum Terima bersih.
- (v) Polisi susut nilai:
  - Alatan pejabat : 10 % mengikut kaedah baki berkurangan
  - Perabot : 15 % mengikut kaedah garis lurus
- (vi) Faedah atas pinjaman bank 10 % setahun dan bayaran ansuran pokok pinjaman RM2 000 setahun masih belum dibayar kepada pihak bank.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (i) Penyata Mengira Modal pada 31 Mac 2018. [3 markah]
- (ii) Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2018. [4 markah]
- (iii) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2018. [7 markah]

- (b) Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Antah pada 31 Dis 2017.

Buku Tunai (petikan)

	2017 Dis 31	Insurans	RM 5 400
--	----------------	----------	-------------

Imbangan Duga (petikan)

	Debit RM	Kredit RM
Akaun Belum Terima	5 000	
Peruntukan hutang ragu		200

**Maklumat tambahan:**

Pelarasan berikut belum diambil kira pada akhir tempoh perakaunan.

- (i) Premium insurans dibayar untuk tempoh perlindungan setahun sehingga 31 Mac 2018.
- (ii) Pada 31 Disember 2017, hutang Encik Lindan yang berjumlah RM300 dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- (iii) Peruntukan hutang ragu adalah 5 % atas Akaun Belum Terima bersih.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (i) Akaun Insurans [2 markah]
- (ii) Akaun Hutang Lapuk [2 markah]
- (iii) Akaun Peruntukan Hutang Ragu [2 markah]

- 6 (a) Maklumat berikut diperoleh daripada Kilang Elektronik E-Fon yang beroperasi di Banting, Selangor.

	RM
Inventori bahan langsung pada 1 Januari 2017	43 200
Inventori bahan langsung pada 31 Disember 2017	35 600
Belian bahan langsung	53 900
Angkutan masuk bahan langsung	550
Insurans belian bahan langsung	2 300
Buruh kilang	36 000
Gaji penyelia kilang	5 000
Kadar bayaran	4 800
Sewa	6 800
Susut nilai mesin	800
Belanja langsung	5 400
Pulangan belian bahan langsung	3 200

Maklumat tambahan:

- (i) 2/3 daripada kadar bayaran adalah untuk kegunaan kilang.
- (ii) 60 % daripada sewa adalah sewa kilang dan selebihnya adalah sewa pejabat.

**Anda dikehendaki menyediakan Penyata Kos Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.** [12 markah]

- (b) Kesilapan-kesilapan berikut telah dijumpai oleh En Vivo di dalam buku perakaunannya.
- (i) Jualan kredit sebanyak RM750 kepada Pembekal Oppi telah didebitkan ke dalam akaun Pembekal Oppu.
  - (ii) Belian alat tulis sebanyak RM200 telah didebitkan ke dalam Akaun Alatan Pejabat.
  - (iii) Belian tunai sebanyak RM850 direkodkan sebagai RM580 ke dalam kedua-dua akaun.
  - (iv) Bayaran gaji kepada pekerja berjumlah RM2 500 telah didebitkan ke dalam Akaun Bank dan dikreditkan ke dalam Akaun Gaji.

**Anda dikehendaki membetulkan** kesilapan-kesilapan di atas ke dalam Jurnal Am.  
(abaikan keterangan)

[8 markah]

### KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT